

Petinju cilik tak sabar turun bertarung

DUA petinju cilik sudah tidak sabar untuk turun bertarung dalam Cabaran Muaythai 2024 di Stadium Titiwangsa, Kuala Lumpur pada hujung minggu ini.

Aiman Harith dan abangnya, Farish Hakimi Norfazlie yang mewakili Akademi Muaythai Kuda Merah begitu teruja untuk beraksi buat kali pertama di pentas profesional selepas berjinak-jinak dengan sukan tempur itu lebih setahun lalu.

Aiman Harith, 8, atau terkenal dengan julukan Adik Respect akan menentang Zarif Danial dari Akademi Jasin pada Sabtu ini.

"Rasa tidak sabar untuk bertempur. Cuba yang terbaik untuk raih kemenangan," katanya

Kejohanan tersebut adalah anjuran bersama Jabatan Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Kuda Merah Polis Diraja Malaysia (PDRM) sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan.

Farish Hakimi, 10, atau Kimi Hero Malaya pula bakal membuat perhitungan dengan Muhammad Izzat Fitri dari Muaythai Port Dickson pada Ahad.

Pelajar Sekolah Kebangsaan Desa Baiduri Cheras itu mendedahkan teruja dengan sukan tempur tersebut kerana mahu mencabar diri dengan aktiviti lasak.

Malah katanya, sukan tersebut juga mampu menguji keberanian dan meningkatkan keyakinan diri.

"Saya berminat dengan muay-

thai kerana sering menonton video sukan tempur termasuk One Championship.

"Bukan mahu tunjuk kuat, tapi sukan ini mengajar supaya merendah diri dan hormat kepada lawan," katanya yang menang lima kali daripada lapan persaingan di peringkat amatur.

Dalam pada itu, pengurus Kuda Merah Sarjan Fazlie Adni memberitahu, penubuhan Akademi Kuda Merah bertujuan mencungkil bakat baharu bermula pada usia muda.

"Sejak dari awal usia tujuh tahun mereka diasuh untuk bertarung secara sihat dan penuh disiplin. Menerusi akademi ini mampu melahirkan petinju pelapis buat Kuda Merah," katanya.



Farish Hakimi (kanan) dan Aiman Harith teruja untuk bertarung buat kali pertama di pentas profesional dalam Cabaran Muaythai 2024 di Stadium Titiwangsa, Kuala Lumpur pada hujung minggu ini.